



## **UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

---

### **PEKELILING PERKHIDMATAN UMT BILANGAN 2 TAHUN 2014**

---

#### **IMBUHAN TAHUNAN DAN BAYARAN KHAS PRESTASI TAHUN 2014**

#### **TUJUAN**

1. Pekeling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan untuk memberi Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2014 kepada pegawai Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

#### **LATAR BELAKANG**

2. Kerajaan telah membuat keputusan supaya Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2014 dibayar sebagai penghargaan kepada pegawai UMT. Kadar Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2014 yang ditetapkan adalah sebanyak setengah bulan gaji atau minimum RM500.00.
3. Imbuhan Tahunan dibayar kepada pegawai dalam Kumpulan Pelaksana serta Kumpulan Pengurusan dan Profesional, manakala Bayaran Khas Prestasi dibayar kepada pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

## **PELAKSANAAN**

4. Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi ini diberi kepada semua pegawai UMT yang berkhidmat pada tahun 2014 tertakluk kepada syarat bahawa pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2014.

### **Pegawai Yang Layak**

5. Pegawai yang layak dibayar Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2014 adalah seperti berikut:

- a. pegawai lantikan tetap, sementara, dan *contract of service*;
- b. pegawai yang bercuti separuh gaji;
- c. pegawai yang bercuti tanpa gaji/ dipinjamkan ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya/ badan antarabangsa/ syarikat swasta tetapi tidak sepanjang tahun 2014; dan
- d. pemandu yang dilantik sendiri oleh pegawai Gred Utama B dan ke atas, serta Gred Khas A dan ke atas yang layak pemandu tetapi tidak disediakan pemandu oleh jabatannya;

6. Imbuhan Tahunan sebanyak setengah bulan gaji purata atau minimum RM500.00 dipanjangkan kepada Pekerja Sambilan Harian yang tempoh kontraknya telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut pada tahun 2014.

### **Pegawai Yang Tidak Layak**

7. Pegawai yang tidak layak dibayar Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2014 adalah seperti berikut:

- a. pegawai yang berkhidmat kurang daripada 30 hari berturut-turut dalam tahun 2014;
- b. pegawai yang bercuti tanpa gaji sepanjang tahun 2014;
- c. pegawai yang dipinjamkan ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya/ badan antarabangsa/ syarikat swasta sepanjang tahun 2014;
- d. pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib selain daripada hukuman amaran dalam tahun 2014;
- e. pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tahun 2014; dan
- f. pegawai yang meletak jawatan dalam tahun 2014.

### **Pegawai Yang Ditangguhkan Pemberian Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi**

8. Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib, ditangguhkan pemberian Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi. Pegawai hanya layak dibayar Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah atau pegawai hanya dikenakan hukuman amaran.

### **SYARAT PEMBAYARAN**

9. Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi ini dibayar kepada pegawai yang berkhidmat dalam tahun 2014 tertakluk kepada syarat bahawa pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2014.

10. Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi ini akan dibayar pada 15 Januari 2015. Pembayaran adalah berdasarkan gaji bulan Disember 2014 atau gaji akhir bulanan yang diterima pada tahun 2014.

11. Bagi tujuan pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi, “gaji” adalah bermaksud seperti berikut:

- a. gaji pokok;
- b. gaji pokok di gred hakiki dan Elaun Pemangkuan bagi pegawai yang memangku sesuatu jawatan;
- c. gaji yang diberi atas sebab peminjaman/ pertukaran sementara; dan
- d. separuh daripada gaji pokok bagi pegawai bercuti separuh gaji;

## **KAEDAH PENGIRAAN**

12. Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2014 sebanyak setengah bulan gaji atau minimum RM500.00 adalah dibayar secara pro-rata (*proportionate*) berdasarkan bilangan hari yang layak tertakluk kepada syarat bahawa pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Amdalam tempoh 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2014. Contoh pengiraan adalah seperti di **Lampiran A**.

13. Pegawai yang dinaikkan pangkat/ dilantik secara Peningkatan Secara Lantikan (PSL)/ dipinjamkan/ ditukar sementara/ bertukar skim perkhidmatan pada tahun 2014, perkiraan Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi hendaklah berdasarkan gaji bulan Disember 2014 atau gaji akhir bulanan yang diterima pada tahun 2014. Contoh pengiraan adalah seperti di **Lampiran B**.

14. Bagi pegawai berpencen yang bersara/ meninggal dunia pada tahun 2014, Imbuhan Tahunan atau Bayaran Khas Prestasi Tahun 2014 sebanyak setengah bulan

gaji atau minimum RM500.00 adalah dibayar oleh jabatan terakhirnya secara pro-rata (*proportionate*) berdasarkan bilangan hari yang layak tertakluk kepada syarat bahawa pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tahun 2014. Jumlah Imbuhan Tahunan patut terima hendaklah diselaraskan (*journalise*) dengan Bayaran Bantuan Khas sebanyak RM250.00 yang akan dibayar oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam. Contoh pengiraan adalah seperti di **Lampiran C.**

15. Bagi pegawai tidak berpencen yang bersara/ meninggal dunia pada tahun 2014, Imbuhan Tahunan atau Bayaran Khas Prestasi Tahun 2014 sebanyak setengah bulan gaji atau minimum RM500.00 adalah dibayar oleh jabatan terakhirnya secara pro-rata (*proportionate*) berdasarkan bilangan hari yang layak tertakluk kepada syarat bahawa pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tahun 2014. Contoh pengiraan adalah seperti di **Lampiran D.**

16. Pesara yang dilantik semula secara *contract of service* dan masih berkhidmat pada tahun 2014 layak dibayar Imbuhan Tahunan atau Bayaran Khas Prestasi Tahun 2014 berdasarkan gaji bulan Disember 2014 atau gaji akhir bulanan yang diterima pada tahun 2014. Jumlah Imbuhan Tahunan patut terima hendaklah diselaraskan (*journalise*) dengan Bayaran Bantuan Khas sebanyak RM250.00 yang akan dibayar oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam. Contoh pengiraan adalah seperti di **Lampiran E.**

17. Bagi Pekerja Sambilan Harian, Imbuhan Tahunan adalah sebanyak setengah bulan gaji berdasarkan purata gaji bulanan atau kadar minimum sebanyak RM500.00 tertakluk kepada tempoh kontraknya telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tahun 2014. Contoh pengiraan adalah seperti di **Lampiran F.**

18. Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi ini tidak boleh diselaraskan jika berlaku apa-apa keputusan dasar mengenai pelarasan gaji selepas 31 Disember 2014. Dalam keadaan di mana sesuatu keputusan dasar pelarasan gaji dalam tahun 2014 masih tidak dilaksanakan kerana kelewatan pentadbiran, pegawai layak diberi pelarasan Imbuhan Tahunan atau Bayaran Khas Prestasi.

### **JABATAN YANG MEMBAYAR**

19. Pembayaran Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2014 adalah menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada bulan pembayaran.

20. Bagi pegawai yang bersara atau meninggal dunia dalam tahun 2014, bayaran Imbuhan Tahunan atau Bayaran Khas Prestasi adalah menjadi tanggungan jabatan terakhir pegawai berkhidmat.

### **TARIKH KUAT KUASA**

21. Pekelinging Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

**CONTOH PENGIRAAN  
IMBUHAN TAHUNAN DAN BAYARAN KHAS PRESTASI TAHUN 2014**

**Contoh 1: Pegawai Lantikan Baru Pada 1 April 2014**

Puan Sharida telah dilantik sebagai Pegawai Penyediaan Makanan Gred C41 pada 1 April 2014 dengan gaji permulaan sebanyak RM2,147.45.

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$= \left[ 0.5 \times \text{gaji Disember 2014} \times \frac{\text{Bil. Hari berkhidmat}}{365} \right]$$

$$= \left[ 0.5 \times \text{RM2,147.45} \times \frac{275^a}{365^b} \right]$$

$$= \textbf{RM808.97}$$

---

<sup>a</sup> 275 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 April 2014 hingga 31 Disember 2014

<sup>b</sup> 365 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2014 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cutি yang melayakkan gaji

**Contoh 2: Pegawai Lantikan Baru Yang Layak Dibayar Imbuhan Tahunan Dengan Kadar Minimum RM500.00**

Encik Faizal telah dilantik sebagai Pensyarah Universiti Gred DS45 pada 2 Disember 2014 dengan gaji permulaan sebanyak RM2,878.00.

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$= \left[ 0.5 \times \text{gaji Disember 2014} \times \frac{\text{Bil. Hari berkhidmat}}{365} \right]$$

$$= \left[ 0.5 \times \text{RM2,878.00} \times \frac{30^a}{365^b} \right]$$

$$= \textbf{RM118.27} \text{ (layak dibayar kadar minimum RM500.00)}$$

Memandangkan pegawai telah memenuhi syarat berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut pada tahun 2014, pegawai layak dibayar Imbuhan Tahunan sebanyak setengah bulan gaji atau minimum RM500.00. Berdasarkan pengiraan, didapati kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah kurang daripada RM500.00, maka pegawai layak dibayar Imbuhan Tahunan sebanyak **RM500.00** iaitu kadar minimum yang ditetapkan.

---

<sup>a</sup> 30 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 2 Disember 2014 hingga 31 Disember 2014

<sup>b</sup> 365 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2014 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkkan gaji

### **Contoh 3: Pegawai Bercuti Separuh Gaji Dalam Tahun 2014**

Puan Faezah yang berkhidmat sebagai Pegawai Syariah Gred LS44 telah menggunakan kemudahan Cuti Separuh Gaji (CSG) untuk menjaga anaknya yang sakit bagi tempoh mulai 1 April 2014 hingga 30 April 2014. Pegawai telah melaporkan diri dan bertugas semula mulai 1 Mei 2014. Gaji pegawai pada Disember 2014 adalah sebanyak RM3,583.04.

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned}
 &= \left[ \left\{ 0.5 \times \text{gaji Disember 2014} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{365} \right\} + \left\{ 0.5 \times \left( \frac{1}{2} \times \text{gaji Disember 2014} \right) \times \frac{\text{bil. hari CSG}}{365} \right\} \right. \\
 &\quad \left. + \left\{ 0.5 \times \text{gaji Disember 2014} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{365} \right\} \right] \\
 &= \left[ \left\{ 0.5 \times \text{RM3,583.04} \times \frac{90^a}{365} \right\} + \left\{ 0.5 \times \left( \frac{1}{2} \times \text{gaji RM3,583.04} \right) \times \frac{30^b}{365} \right\} \right. \\
 &\quad \left. + \left\{ 0.5 \times \text{RM3,583.04} \times \frac{245^c}{365^d} \right\} \right] \\
 &= [ \text{RM}441.74 + \text{RM}73.62 + \text{RM}1,202.53 ] \\
 &= \mathbf{\text{RM1,717.89}}
 \end{aligned}$$

---

<sup>a</sup> Bagi tempoh 1 Januari 2014 hingga 30 Mac 2014

<sup>b</sup> Bagi tempoh 1 April 2014 hingga 30 April 2014 <sup>c</sup>

Bagi tempoh 1 Mei 2014 hingga 31 Disember  
2014

<sup>a</sup> 90 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Januari 2014 hingga 30 Mac 2014 <sup>b</sup> 30 hari -

Bilangan hari Cuti Separuh Gaji (CSG) dari 1 April 2014 hingga 30 April 2014 <sup>c</sup> 245

hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Mei 2014 hingga 31 Disember 2014

<sup>d</sup> 365 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2014 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

#### **Contoh 4: Pegawai Yang Dikenakan Tindakan Tatatertib**

Surat pertuduhan tatatertib terhadap Encik Razali yang berkhidmat sebagai Pembantu Tadbir Gred N17 telah dikeluarkan pada 15 November 2013. Lembaga Tatatertib yang bersidang telah mengambil keputusan amaran dan tangguh pergerakan gaji\* beliau melalui surat hukuman tatatertib yang dikeluarkan pada 20 Januari 2014. Gaji pegawai pada Disember 2014 adalah sebanyak RM1,491.01.

Pegawai **tidak layak** dibayar Imbuhan Tahunan 2014 sebanyak setengah bulan gaji atau kadar minimum RM500.00 kerana dijatuhkan hukuman tatatertib tangguh pergerakan gaji yang dikeluarkan pada 20 Januari 2014.

---

Nota:

\*Hukuman tatatertib adalah diperuntukkan di bawah Peraturan 38, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 seperti berikut:

- (i) amaran;
- (ii) denda;
- (iii) lucut hak emolument;
- (iv) tangguh pergerakan gaji;
- (v) turun gaji;
- (vi) turun pangkat; atau
- (vii) buang kerja

Pegawai yang dikenakan tindakan tatatertib selain daripada amaran tidak layak dibayar Imbuhan Tahunan.

## Lampiran B

### **Contoh 5: Kenaikan Pangkat Yang Tarikh Kuat Kuasanya Dikebelakangkan Dengan Surat Penyiaran Dikeluarkan Pada Tahun 2015**

Encik Azwan telah dinaikkan pangkat sebagai Pegawai Teknologi Maklumat Gred F44 berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2014 melalui surat penyiaran kenaikan pangkat bertarikh 15 Januari 2015. Gaji diterima pegawai pada bulan Disember 2014 di Gred F41 ialah RM3,287.45. Gaji permulaan kenaikan pangkat pegawai di Gred F44 adalah RM3,512.45.

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} &= \left( 0.5 \times \text{gaji Disember 2014} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{365} \right) \\ &= \left( 0.5 \times \text{RM3,287.45} \times \frac{365}{365} \right)^a \\ &= \text{RM1,643.73} \end{aligned}$$

---

<sup>a</sup>365 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2014 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cutি yang melayakkan gaji

**Contoh 6: Kenaikan Pangkat Yang Tarikh Kuat Kuasanya Dikebelakangkan Dengan Surat Penyiaran Dikeluarkan Pada Tahun 2014**

Puan Zeqna telah dinaikkan pangkat sebagai Pegawai Teknologi Maklumat Gred F44 berkuat kuasa mulai 1 Julai 2014 melalui surat penyiaran kenaikan pangkat bertarikh 15 Oktober 2014. Gaji terakhir pegawai di Gred F41 ialah RM3,287.45. Gaji permulaan kenaikan pangkat pegawai di Gred F44 adalah RM3,512.45.

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$= \left( 0.5 \times \text{gaji Disember 2014} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{365} \right)$$

365

$$= \left( 0.5 \times \text{RM3,512.45} \times \frac{365}{365}^a \right)$$

= **RM1,756.23**

---

<sup>a</sup>365 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2014 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cutি yang melayakkan gaji

**Contoh 7: Pegawai Yang Dipinjamkan Ke Badan yang Diasingkan Pengurusan Saranya**

Encik Dahri yang berkhidmat sebagai Pegawai Teknologi Maklumat Gred F48 telah dipinjamkan ke Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dari 1 Jun 2012 hingga 31 Mei 2014. Beliau kemudiannya telah kembali bertugas di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan pada 1 Jun 2014. Gaji pegawai pada Disember 2014 adalah sebanyak RM5,936.91.

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$= \left( 0.5 \times \text{gaji Disember 2014} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{365} \right)$$

$$= \left( 0.5 \times \text{RM5,936.91} \times \frac{214^a}{365^b} \right)$$

$$= \text{RM1,740.41}$$

---

<sup>a</sup> 214 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Jun 2014 hingga 31 Disember 2014

<sup>b</sup> 365 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2014 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

**Contoh 8: Pegawai Yang Dipinjamkan Ke Badan Antarabangsa**

Puan Ellyzia yang berkhidmat sebagai Pegawai Penyelidik Gred Q52 telah dipinjamkan ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dari 1 Oktober 2012 hingga 30 September 2014. Beliau kemudiannya kembali bertugas di Agensi Nuklear Malaysia pada 1 Oktober 2014. Gaji pegawai pada Disember 2014 adalah sebanyak RM7,031.29.

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$= \left( 0.5 \times \text{gaji Disember 2014} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{365} \right)$$

$$= \left( 0.5 \times \text{RM7,031.29} \times \frac{92^a}{365^b} \right)$$

$$= \text{RM886.14}$$

---

<sup>a</sup> 92 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Oktober 2014 hingga 31 Disember 2014

<sup>b</sup> 365 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2014 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

**Contoh 9: Pegawai Yang Bersara (Penerima Pencen) Pada 25 Disember 2014**

Encik Adi yang berkhidmat sebagai Pembantu Penguasa Kastam Gred W26 telah bersara pada 25 Disember 2014. Gaji terakhir pegawai adalah RM3,497.76.

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$= \text{Jumlah Imbuhan Tahunan patut terima} - \text{Bayaran Bantuan Khas (Dis. 2014)}$$

$$= (0.5 \times \text{gaji akhir bulanan 2014} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{365}) - \text{RM}250.00$$

$$= (0.5 \times \text{RM}3,497.76 \times \frac{358^a}{365^b}) - \text{RM}250.00$$

$$= \text{RM}1,715.34 - \text{RM}250.00$$

$$= \textbf{RM1,465.34}$$

---

<sup>a</sup>358 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Januari 2014 hingga 24 Disember 2014

<sup>b</sup>365 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2014 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cutি yang melayakkan gaji

## Lampiran D

### **Contoh 10: Pegawai Yang Meninggal Dunia (Bukan Penerima Pencen) Pada 1 November 2014**

Puan Maria yang berkhidmat sebagai Pembantu Pengguna Kastam Gred W26 telah meninggal dunia pada 1 November 2014. Gaji terakhir pegawai adalah RM3,497.76.

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$= \left( 0.5 \times \text{gaji terakhir 2014} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{365} \right)$$

$$= \left( 0.5 \times \text{RM3,497.76} \times \frac{305}{365} \right)$$

$$= \text{RM1,461.39}$$

---

<sup>a</sup> 305 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Januari 2014 hingga 1 November 2014

<sup>b</sup> 365 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2014 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

## Lampiran E

### **Contoh 11: Pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan Yang Bersara Pada Tahun 2013 dan Dilantik Semula Secara Contract of Service**

Encik Lim telah bersara pada tahun 2013. Beliau seterusnya telah dilantik semula secara *contract of service* dari 1 Oktober 2013 hingga 30 September 2015 di Kementerian Pendidikan. Gaji pegawai pada Disember 2014 adalah sebanyak RM5,936.92.

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$= \text{Jumlah Imbuhan Tahunan patut terima} - \text{Bayaran Bantuan Khas (Dis. 2014)}$$

$$= (0.5 \times \text{gaji Disember 2014} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{365}) - \text{RM}250.00$$

$$= (0.5 \times \text{RM}5,936.92 \times \frac{365}{365}) - \text{RM}250.00$$

$$= \text{RM}2,968.46 - \text{RM}250.00$$

$$= \textbf{RM}2,718.46$$

---

<sup>a</sup> 365 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2014 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cutি yang melayakkan gaji

**Contoh 12: Pekerja Sambilan Harian**

Encik Zarul telah dilantik sebagai Pekerja Sambilan Harian (PSH) di Kementerian Pertahanan pada 1 Ogos 2014 dengan tempoh kontraknya selama 3 bulan. Beliau dibayar gaji sebanyak RM72.00 secara harian berdasarkan bilangan hari beliau berkhidmat. Setelah tempoh kontrak berakhir, pegawai telah disambung kontraknya dari 1 November 2014 hingga 31 Januari 2015.

Bulan	Bilangan hari berkhidmat*	Gaji diterima (RM)
Ogos	20	1,440.00
September	21	1,512.00
Oktober	21	1,512.00
November	21	1,512.00
Disember	20	1,440.00
<b>GAJI PURATA</b>		<b>1,483.20</b>

\*tidak termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi PSH adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned}
 &= (0.5 \times \text{gaji purata} \times \frac{\text{bil. bulan berkhidmat}}{12}) \\
 &= (0.5 \times \text{RM}1,483.20 \times \frac{5}{12}) \\
 &= \text{RM}309.00 \text{ (layak dibayar kadar minimum RM}500.00\text{)}
 \end{aligned}$$

Memandangkan PSH tersebut telah memenuhi syarat tempoh kontraknya telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tahun 2014, beliau layak dibayar Imbuhan Tahunan sebanyak setengah bulan gaji berdasarkan **purata gaji bulanan** atau kadar minimum sebanyak RM500.00. Berdasarkan pengiraan, didapati kelayakan Imbuhan Tahunan beliau adalah kurang daripada RM500.00, maka beliau layak dibayar Imbuhan Tahunan sebanyak **RM500.00** iaitu kadar minimum yang ditetapkan.